



**PENGARAH KANAN PERKHIDMATAN FARMASI**  
**SENIOR DIRECTOR OF PHARMACEUTICAL SERVICES**

Kementerian Kesihatan Malaysia  
Lot 36, Jalan Universiti,  
46350 Petaling Jaya,  
Selangor Darul Ehsan

Tel : 603 – 78413311/7841320  
Faks: 603 – 79682222  
Email: zin@moh.gov.my

KKM-55/201/006/01 ( 37 )

22 Julai 2008

**SEMUA PERSATUAN INDUSTRI FARMASEUTIKAL, UBAT-UBATAN TRADISIONAL  
DAN KOSMETIK SERTA PIHAK-PIHAK YANG BERKENAAN**

Tuan/Puan,

**ADUAN MENGENAI PEMUNGUTAN BAYARAN OLEH ORANG-ORANG YANG  
MENGAKU MEREKA ADALAH “PEGAWAI BPFK” UNTUK PENAJAAN RUANGAN  
IKLAN DALAM MAJALAH SUARA KESATUAN PEMBANTU FARMASI BIRO  
PENGAWALAN FARMASEUTIKAL KEBANGSAAN (KEMENTERIAN KESIHATAN)  
SEMENANJUNG MALAYSIA**

Adalah saya dengan hormatnya merujuk kepada surat Bil (39) dlm. BPFK/02/5/1-3 bertarikh 10 Januari 2005 yang pernah dikeluarkan dahulu oleh BPFK mengenai perkara tersebut di atas.

2. Sehubungan ini saya ingin menarik perhatian semua pihak sekali lagi tentang aduan-aduan yang diterima mengenai adanya pihak yang mengaku sebagai “Pegawai BPFK” bertindak memohon penajaan ruangan-ruangan iklan untuk penerbitan majalah seperti tersebut di atas, kadangkala menggunakan ugutan.
3. Saya ingin memberitahu bahawa majalah tersebut yang dikatakan diterbitkan oleh Kesatuan Pembantu Farmasi Biro Pengawalan Farmaseutikal Kebangsaan (Kementerian Kesihatan) Semenanjung Malaysia tidak ada kaitan langsung dengan BPFK dan BPFK tidak pernah mengeluarkan apa-apa arahan atau surat sokongan untuk mengutip bayaran iklan majalah berkenaan. Pihak BPFK juga tidak bertanggungjawab di atas sebarang hal yang berkaitan dengan penerbitan berkenaan.
4. Sayugia, saya menyeru kepada semua syarikat/organsisasi yang menjadi mangsa kumpulan ini supaya segera membuat laporan polis. Tindakan pihak yang tidak bertanggungjawab ini telah menjejaskan nama baik BPFK.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,



(DATO' CHE MOHD ZIN BIN CHE AWANG)  
Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi  
Kementerian Kesihatan Malaysia

s.k. Ketua Setiausaha  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Ketua Pengarah Kesihatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah Penguatkuasa Farmasi  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah Amalan & Perkembangan Farmasi  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Pengarah Regulatori Farmasi (BPFK)  
Kementerian Kesihatan Malaysia